

Terma Dan Syarat Kempen

Tempoh kempen

1. Kempen bermula pada 1 Januari 2020 hingga 30 April 2020, termasuk kedua dua tarikh, melainkan dimaklumkan selainnya.

Rebat yang ditawarkan

1. Rebат RM8.00 bagi bayaran cukai taksiran setahun secara tanpa tunai.
2. Rebат RM3.00 bagi bayaran cukai taksiran sepenggal secara tanpa tunai.

Kelayakan

1. Terbuka kepada semua pelanggan cukai taksiran Majlis Daerah Hulu Selangor yang melunaskan cukai taksiran sepenuhnya secara tanpa tunai.
2. Pelanggan yang menerima pengecualian cukai taksiran daripada Kerajaan Negeri Selangor bagi tahun 2020 dibenarkan menyertai kempen ini bagi pembayaran tunggakan sebelum tahun 2016 sahaja.
3. Walau apa pun yang dinyatakan dalam fasal 1 dan 2 di atas, Majlis Daerah Hulu Selangor berhak membatalkan kelayakan pelanggan untuk menyertai, atau terus menyertai, kempen tanpa sebarang kewajipan untuk memberi sebarang sebab.

Syarat-syarat kempen

1. Untuk menyertai kempen ini, pelanggan hendaklah membuat bayaran cukai taksiran secara tanpa tunai menggunakan kaedah-kaedah berikut : -
 - i. JomPAY/Perbankan Internet
 - ii. Kad Kredit Visa/Mastercard (Bank Tempatan) dan Kad Debit
 - iii. Kiosk Tanpa Tunai Majlis Daerah Hulu Selangor, Terminal Mudah Alih (M1) dan E-Dompet (Boost)
 - iv. Aplikasi Telefon Pintar Citizen E-Payment (CEPat)
 - v. Pejabat Pos/Pos Online
 - vi. Kaunter Agensi Luar (Pihak Berkuasa Tempatan dan Pejabat Tanah/Daerah dalam Negeri Selangor)
2. Tiada tunggakan cukai taksiran.
3. Terbuka kepada semua jenis pegangan.

Cara kempen dijalankan

1. Rebат akan dikreditkan ke dalam akaun harta pelanggan selepas tamat tempoh kempen, tertakluk kepada sebarang perubahan.
2. Tertakluk kepada baki peruntukan.

Umum

1. Majlis Daerah Hulu Selangor berhak, pada bila-bila masa tanpa memberi notis terlebih dahulu, untuk menambah, memansuhkan, menggantung atau mengubah terma dan syarat ini, secara keseluruhan atau sebahagian, atas budi bicara mutlak Majlis Daerah Hulu Selangor dengan memaparkan notis umum di laman sesawang rasmi Majlis Daerah Hulu Selangor di <https://www.mdhs.gov.my> atau dalam sebarang cara lain yang mungkin ditentukan oleh Majlis Daerah Hulu Selangor atas budi bicara mutlaknya.
2. Sebarang rayuan tidak akan dilayan.